

# MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

## KENYATAAN SEBUT HARGA (TAWARAN SEMULA)

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor BUMIPUTERA yang mempunyai Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Sijil Taraf Bumiputera dan Sijil Suruhanjaya Tenaga di dalam bidang kerja berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk mengambil bahagian dan menjalankan kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF SEBUTHARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<p>NO. SEBUT HARGA: MPKLJK/SH: 91/2021</p> <p>(TAWARAN SEMULA) CADANGAN MEMBAIKPULIH BANGUNAN PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA DI ZON PERINDUSTRIAN BEBAS, KAWASAN PERINDUSTRIAN TELÓK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.</p>	<p>SPKK</p> <p>Gred : G1</p> <p>Kategori : B</p> <p>Pengkhususan : B24</p> <p>Kerja Penyelenggaraan Bangunan</p> <p>DAN</p> <p>UPEN</p> <p>Unit Perancang Ekonomi Negeri</p>	<p>RM150.00</p> <p>**Tidak akan dikembalikan</p>	<p>Mulai :</p> <p>04/11/2021 (KHAMIS)</p> <p>Jam : 12.00 Tengahari</p> <p>PENJUALAN SECARA ONLINE SAHAJA</p> <p>Dokumen pelawaan boleh dimuatturun di laman sesawang <a href="https://tender.selangor.gov.my">https://tender.selangor.gov.my</a></p> <p>**SILA KEMASKINI MAKLUMAT SYARIKAT DALAM LAMAN WEB <a href="https://tender.selangor.gov.my">https://tender.selangor.gov.my</a> UNTUK MELANCARKAN PROSES PEMBELIAN DOKUMEN PELAWAAN.</p>	<p>Tarikh Tutup:</p> <p>11/11/2021 (KHAMIS)</p> <p>Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari</p> <p>UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN Majlis Perbandaran Kuala Langat Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>**Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan</p>


- i) Setiap dokumen sebutharga dijual dengan harga RM 150.00 secara ONLINE. Pembayaran boleh dibuat secara kad kredit atau debit kad dan wang bayaran tidak akan dikembalikan.
- ii) Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS) di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan dipamerkan dan Unit Perolehan dan Ukur Bahan, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor.
- iii) Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara ONLINE di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebutharga dan mengemaskini maklumat pendaftaran SPKK, CIDB dan UPEN. Sekiranya gagal berbuat demikian adalah tidak layak untuk membeli Dokumen Sebutharga tersebut.
- iv) Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan WAJIB dibukukan / didokumentasikan.
- v) Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam SAMPUL SURAT BERLAKRI dan dimasukkan ke dalam PETI TENDER seperti tertera di atas.
- vi) Penghantaran Dokumen Sebutharga perlu disertakan bersama RESIT PEMBAYARAN sebagai bukti pembelian.
- vii) Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- viii) Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Sebutharga di dalam Dokumen Sebutharga sebelum mengemukakan Dokumen Sebutharga. Jika Dokumen Sebutharga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
- ix) Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
- x) Tarikh tutup penjualan Dokumen sebutharga adalah pada 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS). Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN di Talian 03-31872825 sambungan 118,119 dan 167.

Disediakan oleh:



(NORHAFIZAH BT ZAINAL ABIDIN)  
Penolong Juruukur Bahan  
Unit Perolehan dan Ukur Bahan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disemak dan Disahkan oleh:



(MOHAMMAD KAMAL BIN MOHD RAMLAN, P.P.T.)  
Ketua Unit  
Unit Perolehan dan Ukur Bahan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat